

22/08/1997

Rumpun Melayu dan reformasi dunia Islam

Abdurrahman Haqqi

JIKA anda pergi ke Institut Kefahaman Islam Malaysia di Kuala Lumpur semalam atau hari ini anda akan menjumpai sekelompok manusia yang sedang melaksanakan aktiviti luar biasa mereka.

Mereka terdiri daripada manusia yang susuk tubuhnya antara 150 hingga 170 cm; berambut hitam tak perang; berhidung sedang tak mancung; bermata coklat tak biru mahupun hijau; berkulit sawo matang atau coklat tak putih; dan mereka semuanya bertutur dalam satu bahasa yang benar-benar dimiliki bersama walaupun mereka berbeza kewarganegaraannya.

Tentu anda boleh mengagak siapa mereka. Ya, mereka adalah rumpun Melayu penghuni asal tanah Nusantara yang sedang bersidang untuk kebaikan, kemajuan dan kemakmuran mereka. Mereka adalah sekelompok think tank rumpun Melayu yang sedang mengikuti Persidangan Menghadapi abad 21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau anjuran bersama IKIM dan ICMI atau Ikatan Cendekiawan Muslim SeIndonesia. Kedua-dua nama ini tidak boleh dinafikan keberadaan dan sumbangan mereka dalam sejarah Nusantara moden walaupun mereka baru berumur kurang daripada satu dekad.

Acara kemuncaknya adalah hari ini apabila Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahahtir Mohamad akan menyampaikan amanat berharga bertajuk 'Reformasi Umat Melayu berasaskan Tamadun Islam Menjelang Abad 21'. Suatu amanat yang akan dijadikan dasar kebijaksanaan baru bagi Umat Islam serantau dalam memasuki dan mengharungi bahtera Abad 21 yang pastinya akan dipenuhi dengan cabaran dan dugaan.

Oleh itu, jika kita lalai dan tak ambil kisah mengenainya kita akan terperangkap dalam lingkaran keterbelakangan dan tetap menjadi ekor dan pak turut kepada dunia lain sama ada dalam dunia Islam sendiri mahupun masyarakat dunia umumnya.

Selama ini peranan Muslim rumpun Melayu tak pernah diperhitungkan oleh saudara mereka dari dunia Arab dan subcontinental termasuk Iran. Mereka menganggap kita sebagai saudara baru. Mereka selalu menggurui kita dan menganggap kita sebagai murid yang sami`na wa ata'na dengan pengertian tak pernah membantah dan mempertikai apa yang mereka berikan.

Mereka menganggap kita sebagai bahagian yang memerlukan pertolongan, ihsan, belas kasihan dan belaan. Kita ini lembut dan lemah tidak mempunyai kekuatan dan himmah.

Padahal kita adalah sepertiga kekuatan dunia Islam. Sejarah kerajaan kita dulu juga tidak kalah seru dan gagah seperti yang berada di tanah Arab. Kekayaan kita juga tak kalah banyaknya jika dibandingkan dengan yang dimiliki saudara lainnya. Apa kurangnya bumi Nusantara yang indah dan permai yang di dalam dan luarnya tertimbun mutiara dan berlian kekayaan semula jadi.

Apa kurangnya minda anak penghuni Nusantara. Bahkan kita juga terbukti aktif dan proaktif dalam menerajui sejarah dunia. Bukankah 8 daripada 50 universiti terbaik versi majalah Asiaweek milik kita. Negara Arab tidak tersenarai. Begitu juga Iran dan Pakistan.

Malangnya, kita sendiri tidak perasan hakikat itu. Yang kita sedari ialah orang lain mempunyai kelebihan dan kita selalu berasa inferior. Yang kita miliki adalah meremehkan sesama kita bahkan bermusuhan. Apa yang kita buat tak Islamik, manakala apa yang dibuat saudara Arab, Iran dan Pakistan adalah Islamik sampai kepada penggunaan istilah pun kita berkiblat kepada mereka.

Tujuan saya menyebut perkara ini bukanlah untuk mengetepi dan menidakkan

sumbangan mereka apatah lagi mengajak bermusuhan dengan mereka. Saya hanya menginginkan suatu posisi proporsional dengan pengertian berdiri sama tinggi duduk sama rendah.

`Kami', seperti dijawab Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ditanya The Diplomat Februari lalu, "Punya sejarah berbeza. Saya tidak anti-Arab. Ini tidak boleh disalah faham. Yang saya katakan ialah sepanjang sejarah, rantau ini mengalami Islamisasi tanpa kekerasan. Selain itu, kami mempunyai kebudayaan dan bangsa majmuk, kerana pengalaman historik, ekonomik dan politik ini, anda menemukan sebuah pendekatan keislaman yang sangat moderat di rantau ini".

Ketika sebuah simposium antarabangsa mengenai Islam dan globalisasi diadakan IKIM baru-baru ini, saya sempat berbual dengan pensyarah di Universiti Kuwait dulu. Beliau adalah Prof Khalid al-Mazkur yang kini menjawat jawatan Mufti Kuwait dan mengetuai Badan Pelaksanaan Hukum Syariah di sana. Selepas memerhati Sunway Lagoon dan persekitarannya, secara spontan beliau berkata "Haaza fakhr, maa kuntu atasawwarahu" (Ini suatu kebanggaan, saya tak pernah membayangkannya) di depan saya dan Duta Besar Kuwait waktu itu, Dr Salem al-Sabah yang juga anak kepada Amir Kuwait sekarang.

Inilah hakikat kita di Brunei, Malaysia dan Indonesia sekarang. Hakikat yang layak dibanggakan oleh penghuninya. Jangankan kita mengakui kelayakan mempelopori reformasi dunia Islam moden malah orang Barat pun mengiyakannya. Lihat apa yang dinyatakan John E Esposito, Pengarah Pusat Kesefahaman Islam-Kristian, Amerika Syarikat ketika menghadiri The International Conference on Muslim-Christian Relations di Jakarta 7-9 Ogos lalu bahawa `penting bagi kita melihat pengalaman di sini, yang berbeza daripada dunia Arab yang banyak pengalaman belum terungkap".

Ramai menaruh harapan kepada kita untuk reformasi Dunia Islam moden, tunggu apa lagi? Bekerja kuatlah seperti yang dicontohkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Muhammad Suharto selama ini! Sesungguhnya dunia Melayu boleh!

(END)